

**KDN kaji kesan kontroversi Tanda Putera kepada masyarakat  
Malaysian Insider  
Aug 27 , 2013  
OLEH HASBULLAH AWANG CHIK**

Kementerian Dalam Negeri (KDN) akan membuat penilaian sejauh mana babak yang dikatakan mencetuskan kontroversi dalam filem arahan Datin Paduka Shuhaimi Baba, Tanda Putera memberi impak kepada keharmonian kaum di Malaysia.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar, berkata masyarakat berbilang kaum di Malaysia perlu menanamkan rasa cinta kepada negara dan tidak perlu terlalu mengendahkan kontroversi dalam filem berkenaan.

"Saya hairan mengapa ada pihak cuba membangkitkan perkara yang tidak perlu mendapat perhatian namun pihak kementerian akan melihat kembali isu ini dan menilai sejauh mana babak filem berkenaan memberi kesan kepada masyarakat umum.

"Pihak yang tidak terbabit atau terkesan dengan babak berkenaan seharusnya tidak perlu bimbang sekiranya benar mereka tiada kaitan dengan insiden itu," katanya ketika dihubungi The Malaysian Insider semalam.

Tanda Putera yang akan ditayangkan Khamis ini masih memaparkan babak beberapa pemuda Cina kencing di hadapan rumah bekas Menteri Besar Selangor, Datuk Idris Harun meskipun dikecam hebat oleh pemimpin politik Pakatan Rakyat (PR).

Sementara itu, Menteri Penerangan dan Komunikasi, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek, berkata pihaknya dimaklumkan Tanda Putera diklasifikasikan sebagai filem fiksi namun berlatarbelakangkan sejarah maka fakta yang tidak tepat dalam filem berkenaan tidak perlu diambil kira.

Beliau menjelaskan filem berkenaan turut tidak dapat lari dari unsur cereka yang diselitkan maka pihak tertentu perlu bijak membezakan Tanda Putera dengan filem dokumentari yang sebenar.

"Biarlah penonton dan pengkritik yang menilai kerana filem sehebat mana pun pastinya berdepan kritikan. Filem barat seperti The Patriot dan Brave Heart turut berdepan kritikan apabila ada khalayaknya yang mengadu fakta filem berkenaan tidak tepat.

"Jika dilihat filem Titanic yang dikagumi ramai turut menerima kritikan atas fakta yang tidak tepat disampaikan dalam filem berkenaan," katanya kepada The Malaysian Insider di majlis sambutan Aidilfitri di Kuala Lumpur, semalam.

Poster filem Tanda Putera siap dipasang di pawagam bagi mempromosikan tayangan rasminya pada 29 Ogos ini. Poster filem Tanda Putera siap dipasang di pawagam bagi mempromosikan tayangan rasminya pada 29 Ogos ini. Lembaga Penapisan Filem (LPF) berkata, pihaknya dimaklumkan oleh pihak produksi Tanda Putera bahawa filem berkenaan diterbitkan berdasarkan kajian latar belakang sejarah iaitu siasatan terperinci dijalankan terlebih dahulu sebelum penggambaran dimulakan.

Pengerusinya, Datuk Raja Azahar Raja Abdul Manap, berkata pihak penerbitan perlu bertanggungjawab sekiranya orang ramai mula mempertikai kesahihan filem berkenaan dengan mengemukakan hasil penyelidikan yang dijalankan selama ini.

"Pihak penerbitan memaklumkan kepada kami, penyelidikan mereka dijalankan hingga ke kota London dan semua dokumen yang ditunjukkan disahkan maka LPF tidak mencurigai dakwaan mereka.

"Penulis skrip dan pengarah harus menjelaskan kepada umum sekiranya ada kekeliruan dalam masyarakat berhubung babak dalam sesuatu filem. Buku peristiwa 13 Mei 1969 yang dikeluarkan kerajaan mengesahkan insiden pemuda kencing di tiang bendera itu benar-benar berlaku," katanya ketika dihubungi The Malaysian Insider.

Presiden Persatuan Penerbit Filem Malaysia (PFM), Datuk Yusof Haslam (gambar), berkata bukanlah satu isu besar untuk membahaskan babak berkenaan kerana pendapat yang diterima berhubung kejadian itu datang daripada pelbagai sumber di samping elemen cereka bagi membuat filem itu bertambah menarik.

Beliau berkata, keputusan Shuhaimi untuk melakonkan semula babak itu adalah hasil penyelidikan mendalam yang dilakukan sebelum mengarah filem berkenaan.

Katanya, isu yang dibangkitkan hanya perkara kecil dan pengarah dilihat tidak keterlaluan memberi gambaran buruk terhadap DAP mahu pun parti dalam Barisan Nasional (BN).

"Mesej yang disampaikan filem berkenaan jelas menyeru supaya bersatu padu dan saling menjaga sensitiviti antara kaum.

"Penonton tidak boleh menganggap filem ini menceritakan 100 peratus fakta tetapi terkandung juga unsur cereka bagi membuat penceritaan lebih menarik," katanya sambil menyeru filem ini wajar ditonton oleh segenap lapisan masyarakat di Malaysia khususnya orang Melayu kerana menceritakan kisah perjuangan pemimpin hebat negara.

Semalam, DAP menggesa Kementerian Penerangan dan Komunikasi mengkaji semula kelulusan tayangan Tanda Putera kerana dikhuatiri bakal menyemarakkan lagi ketegangan kaum.

Setiausaha Agungnya, Lim Guan Eng, berkata filem berkenaan memberi gambaran tidak tepat berhubung peristiwa rusuhan kaum 13 Mei 1969 yang hanya menimbulkan fitnah dan pembohongan yang didalangi kerajaan.

Katanya, jika kerajaan BN membenarkan tayangan filem itu pada 29 Ogos, ini membuktikan gabungan pemerintah itu bersekongkol menyampaikan fitnah bertujuan mencetuskan ketegangan kaum serta mahu memporak-perandakan Malaysia. – 27 Ogos, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/kdn-kaji-kesan-kontroversi-tanda-putera-kepada-masyarakat>